

**PERLEMBAGAAN “THE INSTITUTE OF ELECTRICAL AND ELECTRONICS  
ENGINEERS, UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA, STUDENT BRANCH  
(IEEE-UTM STUDENT BRANCH)”**

**1.0 PERKARA 1 – NAMA**

1.1 Persatuan ini hendaklah dinamakan:

“THE INSTITUTE OF ELECTRICAL AND ELECTRONICS  
ENGINEERS, UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA, STUDENT  
BRANCH” Atau dengan ringkasnya: IEEE-UTM SB

1.2 Alamat persatuan ialah:

THE INSTITUTE OF ELECTRICAL AND ELECTRONICS  
ENGINEERS, STUDENT BRANCH (IEEE- UTM SB)  
Fakulti Kejuruteraan Elektrik,  
Universiti Teknologi Malaysia,  
81310 Johor Bahru,  
Johor Darul Ta’zim,  
Malaysia.

1.3 Lambang:



1.4 Cogan kata: Networking The World

1.5 Organisasi dan operasi cawangan adalah tertakluk kepada perlembagaan yang ditetapkan oleh IEEE.

**2.0 PERKARA 2- TUJUAN PERSATUAN**

- 2.1 Untuk menggabungkan pelajar-pelajar dari kursus-kursus jurusan kejuruteraan, teknologi atau sains yang berkaitan dengan bidang elektrik dan elektronik dalam satu persatuan.
- 2.1 Mbolehkan pelajar menambahkan pengetahuan teori dan praktik dalam bidang kejuruteraan elektrik, elektronik atau bidang sains yang berkaitan.
- 2.2 Memberi peluang kepada pelajar untuk berinteraksi dengan jurutera-jurutera yang berpengalaman dari pelbagai industri.
- 2.3 Mengharumkan nama Universiti Teknologi Malaysia di peringkat antarabangsa.
- 2.4 Menyebarluaskan maklumat yang terkini tentang perkembangan bidang teknologi dalam elektrik dan elektronik.
- 2.5 Dapat meningkatkan kemahiran Bahasa Inggeris di kalangan pelajar kerana bahasa pertuturan dan penulisan induk Persatuan IEEE adalah dalam bahasa Inggeris.
- 2.8 Melatih pelajar menjadi pemimpin yang bertanggungjawab pada masa hadapan.

### **3.0 PERKARA 3 – AKTIVITI YANG DIJALANKAN**

- 3.1 Promosi Keahlian
- 3.2 Lawatan sambil belajar ke NUS
- 3.3 Pemindahan bilik operasi IEEE
- 3.4 Penerbitan majalah teknikal dan berita IEEE-UTM Student Branch
- 3.5 Tutorial Matlab
- 3.6 Forum
- 3.7 Pelancaran perpustakaan mini IEEE-UTM Student Branch
- 3.8 Bengkel DSP antarabangsa
- 3.9 Hari Kerjaya IEEE
- 3.10 Lawatan industri

### **4.0 PERKARA 4 – KEAHLIAN**

- 4.1 Cara menjadi ahli (Keahlian peringkat antarabangsa dan Keahlian IEEE-UTM SB):
  - 4.1.1 Setiap pelajar yang memohon untuk menjadi ahli IEEE hendaklah menghantar borang pemohonan keahlian yang telah lengkap diisi kepada Jawatankuasa Pendaftaran Persatuan.
  - 4.1.2 Jawatankuasa Pendaftaran dikehendaki membawa borang tersebut kepada Naib Canselor atau wakilnya untuk mendapatkan pengesahan dan kelulusan pihak universiti.
  - 4.1.3 Permohonan yang telah mendapat kelulusan pihak universiti perlu Disertakan dengan yuran keahlian dalam bentuk “Bankdraft/Cheque/ Money Order” yang bernilai “US \$14” (tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa) untuk keahlian pelajar selama setahun.
  - 4.1.4 Borang keahlian ini hendaklah dihantar ke ibu pejabat IEEE yang beralamat:  
IEEE OPERATIONS CENTER  
Admission and Advancement Department  
445 Hoes Lane, PO Box 459  
Piscataway, NJ 08855-0459 USA  
oleh Exco Pendaftaran Persatuan. Kelulusan keahlian ini adalah tertakluk kepada keputusan Jawatankuasa Kemasukan Ahli IEEE di ibu pejabat.
- 4.2 Syarat untuk menjadi ahli:
  - 4.2.1 Seseorang pemohon mestilah pelajar sepenuh masa atau separuh masa Universiti Teknologi Malaysia dan mengikuti kursus yang mematuhi salah satu daripada syarat-syarat berikut:
  - 4.2.2 Kursus Sarjana Muda dalam bidang kejuruteraan, sains atau bidang-bidang lain yang berkaitan dengan elektrikal atau elektronik.

4.2.3 Kursus Integrasi dalam bidang kejuruteraan, sains atau bidang-Bidang lain yang berkaitan dengan elektrikal atau elektronik.

4.3 Tanggungjawab sebagai seorang ahli IEEE-UTM SB

4.3.1 Setiap ahli dikehendaki membayar yuran tahunan sebanyak RM1.00 kepada IEEE-UTM Student Branch. Kegagalan berbuat demikian akan menyebabkan keahlian pelajar tersebut dalam IEEE UTM SB dilucutkan serta-merta.

4.3.2 Wang ini harus dihantar kepada bendahari IEEE-UTM SB.

4.4 Pembaharuan keahlian:

4.4.1 Setiap pelajar yang memohon untuk memperbaharui keahlian Persatuan ini hendaklah menghantar borang permohonan pembaharuan keahlian yang telah lengkap diisi kepada Exco Pendaftaran Persatuan.

4.4.2 Exco Pendaftaran dikehendaki membawa borang tersebut kepada Naib Canselor atau wakilnya untuk mendapatkan pengesahan dan kelulusan pihak universiti.

4.4.3 Permohonan yang telah mendapat kelulusan pihak universiti perlu disertakan dengan yuran keahlian dalam bentuk “Bankdraft/Cheque/ Money Order” yang bernilai “US \$14” (tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa) untuk keahlian pelajar selama setahun.

4.4.4 Borang keahlian ini hendaklah dihantar ke ibu pejabat IEEE yang beralamat:

IEEE OPERATIONS CENTER  
Admission and Advancement Department  
445 Hoes Lane, PO Box 459  
Piscataway, NJ 08855-0459 USA

oleh Jawatankuasa Pendaftaran Persatuan. Kelulusan keahlian adalah tertakluk kepada keputusan Lembaga Pengarah (Board of Directors) IEEE di ibu pejabat.

4.4.5 Ahli yang tidak memperbaharui keahliannya selepas tempoh keahliannya akan tamat akan secara automatik gugur keahliannya daripada Persatuan ini.

4.5 Berhenti menjadi ahli:

4.5.1 Ahli yang hendak berhenti dari menjadi ahli Persatuan hendaklah memberi notis secara bertulis kepada setiausaha persatuan dan setiausaha persatuan hendaklah memaklumkannya kepada Naib Canselor.

4.5.2 Ahli akan gugur keahliannya secara automatik apabila keahliannya tidak diperbaharui setelah tamat tempoh yang ditetapkan.

4.6 Hak ahli

4.6.1 Berhak mencadang, bercakap, menyokong dan mengundi dalam semua mesyuarat agung persatuan.

4.6.2 Berhak bertanding untuk dipilih memegang jawatan dan lain-lain Pegawai Persatuan tertakluk kepada syarat yang berikut:

4.6.2.1 Tiada seorang pelajar yang keputusan pembicaraan

tata tertib terhadapnya masih ditunggu atau yang telah didapati bersalah atas suatu kesalahan tata tertib, boleh dipilih atau terus lagi menjadi seorang ahli Persatuan atau seorang pemegang jawatan dalam Persatuan atau mana-mana jawatankuasa dalam Persatuan melainkan jika dibenarkan secara bertulis oleh Naib Canselor.

- 4.6.2.2 Seseorang pelajar yang belum lagi masuk peperiksaan yang pertama di universiti bagi kursus pengajiannya atau yang telah gagal atau yang tidak masuk peperiksaan yang baru lalu yang diadakan oleh Universiti bagi kursus pengajian itu sebelum sahaja suatu pemilihan atau pemilihan-pemilihan yang dicadangkan bagi Persatuan atau oleh jawatankuasa dalam Persatuan adalah hilang kelayakannya daripada dipilih dalam pemilihan atau pemilih-pemilih itu.
- 4.6.3 Meminta secara bertulis untuk melihat rekod-rekod dan akaun-akaun Persatuan dengan syarat memberitahu secara bertulis satu minggu terlebih dahulu kepada setiausaha.

4.7 Tanggungjawab ahli:

- 4.7.1 Menghormati dan patuh kepada peraturan Persatuan.
- 4.7.2 Patuh kepada segala keputusan yang diambil dalam Mesyuarat Agung Tahunan melainkan jika ahli itu telah berhenti dari Persatuan terlebih dahulu.
- 4.7.3 Melaksanakan semua tugas-tugas yang diamanahkan oleh Persatuan kepadanya.
- 4.7.4 Ahli yang hendak berhenti daripada menjadi ahli Persatuan hendaklah memberitahu secara bertulis kepada setiausaha Persatuan.

## 5.0 PERKARA 5 – KEWANGAN

5.1 Pembayaran asas tahunan:

- 5.1.1 Ibu pejabat IEEE akan membayar jumlah wang (dalam bentuk rebet) kepada Persatuan ini setiap tahun berdasarkan jumlah ahli yang ada sebagai pembayaran asas tahunan kepada persatuan ini.
- 5.1.2 Persatuan ini juga akan menerima pembayaran balik sebanyak “US...”(akan ditentukan kemudian) untuk setiap ahli yang berdaftar dengan Persatuan ini setiap tahun.
- 5.1.3 Kesemua wang disalurkan kepada Persatuan ini perlu disimpan oleh Bendahari Universiti Teknologi Malaysia. Apa-apa perbelanjaan yang berpatutan yang digunakan untuk menjalankan aktiviti-aktiviti yang telah diluluskan oleh pihak Universiti boleh dilakukan oleh Jawatankuasa Kerja Persatuan.

## 6.0 PERKARA 6 – PENASIHAT FAKULTI

6.1 Persatuan mestilah mempunyai sekurang-kurangnya seorang Penasihat

Fakulti. Jawatankuasa Kerja Persatuan mestilah mencadangkan sekurang-kurangnya seorang pensyarah universiti yang juga menjadi ahli Persatuan IEEE untuk menyandang jawatan tersebut. Perlantikan hanya akan dibuat setelah mendapat kelulusan dari pihak universiti. Penasihat Fakulti yang dilantik akan menyandang jawatan tersebut selama dua sesi.

**6.2 Tanggungjawab-tanggungjawab Penasihat Fakulti:**

- 6.2.1 Membantu Jawatankuasa Kerja Persatuan untuk merancang program dan aktiviti tahunan.
- 6.2.2 Bertanggungjawab untuk menyemak dan mengesahkan permohonan dan pembaharuan keahlian Persatuan.
- 6.2.3 Menyemak kesemua minit mesyuarat dan laporan Jawatankuasa Kerja Persatuan.

**7.0 PERKARA 7 – JAWATANKUASA KERJA PERSATUAN**

7.1 Kesemua ahli exco dalam Jawatankuasa Kerja Persatuan adalah dipilih dalam pilihanraya Persatuan oleh ahli Persatuan dengan undi majoriti. Kesemua ahli exco dalam Jawatankuasa Kerja Persatuan mestilah merupakan ahli IEEE(dengan bukti nombor kad ahli). Tempoh jawatan yang disandang adalah untuk satu tahun. Pemilihan ahli exco dalam Jawatankuasa Kerja Persatuan untuk tahun berikut mesti dilakukan dalam mesyuarat agung tahunan pada tahun berikutnya. Tiga jawatan penting persatuan iaitu Pengerusi, Naib Pengerusi 1, Naib Pengerusi 2 dan Naib Pengerusi 3 yang dipegang oleh tiga kaum utama Malaysia iaitu kaum Melayu, Cina dan India.

**7.2 PENGGERUSI**

- 7.2.1 Mempengerusikan semua mesyuarat Jawatankuasa Kerja dan menandatangani minit mesyuarat yang disahkan.
- 7.2.2 Berhak memanggil mesyuarat Jawatankuasa Kerja.
- 7.2.3 Mengeluarkan kenyataan kepada ahli mengenai rancangan persatuan.
- 7.2.4 Bersama dengan setiausaha menimbangkan dan memutuskan bagi persatuan perkara-perkara pentadbiran dan aktiviti persatuan yang memerlukan tindakan segera.
- 7.2.5 Bersama bendahari menandatangani resit dan baucar untuk segala tuntutan perbelanjaan bagi kelulusan Naib Canselor.
- 7.2.6 Mengkoordinasi semua unit-unit dan aktiviti dalam persatuan.
- 7.2.7 Pengerusi berhak memerhati semua mesyuarat unit atau program dengan memaklumkan kepada yang bertugas terlebih dahulu.
- 7.2.8 Pengerusi berhak mengamanahkan majlis tertinggi persatuan yang bersesuaian untuk memerhati atau mengawasi semua mesyuarat unit dan program.
- 7.2.9 Pengerusi berhak mengubah tugas dan mengarahkan mana-mana Jawatankuasa untuk melakukan kerja persatuan berdasarkan kebijaksanaannya.
- 7.2.10 Pengerusi berhak mewujudkan Jawatankuasa yang baru

berdasarkan pertimbangannya.

### 7.3 NAIB Pengerusi 1

Antara tugas-tugas dan tanggungjawab Naib Pengerusi 1 adalah seperti berikut:

- 7.3.1 Mengambil alih tugas Pengerusi semasa ketiadaannya.
- 7.3.2 Bertanggungjawab dan mengawasi semua exco berkenaan hal-hal pentadbiran.
- 7.3.3 Mengkoordinasi antara bahagian pentadbiran dengan bahagian program.
- 7.3.4 Memastikan semua kerja pentadbiran berjalan lancar dan baik.
- 7.3.5 Menjadi penasihat terhadap semua hal-hal pentadbiran yang dijalankan oleh semua ahli exco.
- 7.3.6 Menjalankan tugas-tugas seperti yang diarahkan oleh Pengerusi dari semasa ke semasa.
- 7.3.7 Memangku jawatan Pengerusi sekiranya Pengerusi telah diberhentikan, berhenti atau tamat pengajiannya di Universiti Teknologi Malaysia.

### 7.4 NAIB Pengerusi 2

- 7.4.1 Mengambil alih tugas Naib Pengerusi 1 semasa ketiadaannya.
- 7.4.2 Mengambil alih tugas Pengerusi semasa ketidaaan Pengerusi dan Naib Pengerusi.
- 7.4.3 Bertanggungjawab dan mengawasi semua exco berkenaan hal-hal pentadbiran
- 7.4.4 Mengkoordinasi antara bahagian pentadbiran dengan bahagian program.
- 7.4.5 Memastikan semua kerja pentadbiran berjalan lancar dan baik.
- 7.4.6 Memastikan dokumentasi program, akaun program dan maklumat yang diperolehi dihantar ke unit-unit yang berkenaan untuk disimpan.
- 7.4.7 Menjadi penasihat terhadap semua hal-hal pentadbiran yang dijalankan oleh semua ahli exco.
- 7.4.8 Menjalankan tugas-tugas seperti yang diarahkan oleh Pengerusi dari semasa ke semasa.
- 7.4.9 Memangku jawatan Naib Pengerusi 1 sekiranya Naib Pengerusi 1 telah diberhentikan, berhenti atau tamat pengajiannya di Universiti Teknologi Malaysia.
- 7.4.10 Memangku jawatan Pengerusi sekiranya Pengerusi dan Naib Pengerusi 1 telah diberhentikan, berhenti atau tamat pengajiannya di Universiti Teknologi Malaysia.

### 7.5 NAIB Pengerusi 3

### 7.6 SETIAUSAHA

- 7.6.1 Menjadi Ketua Sekretariat Persatuan.
- 7.6.2 Bertanggungjawab atas surat-menyurat persatuan dan mesyuarat-mesyuarat persatuan.
- 7.6.3 Menyimpan rekod dan minit mesyuarat persatuan.

- 7.6.4 Menyiapkan laporan tahunan persatuan.
- 7.6.5 Menjalankan tugas yang diputuskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Kerja.
- 7.6.6 Bertanggungjawab menyiapkan dan menghantar laporan ke ibu pejabat dengan tertakluk kepada arahan ibu pejabat.

#### 7.7 BENDAHARI

- 7.7.1 Menyimpan akaun-akaun persatuan seperti yang ditetapkan oleh Bendahari Universiti.
- 7.7.2 Bendahari hendaklah menyimpan akaun-akaun persatuan dengan sepatutnya dan tidak lewat daripada tiga bulan selepas akhir tiaptiap tahun kewangan iaitu suatu tahun kewangan sebagaimana yang ditentukan oleh Naib Canselor suatu salinan akaun-akaun tersebut yang diaudit oleh seorang yang dilantik oleh Majlis untuk diluluskan.
- 7.7.3 Bersama Pengurus menandatangani resit dan baucer dan mengemukakan tuntutan-tuntutan yang berpatutan yang disokong dengan resit dan baucer-baucer itu bagi diluluskan oleh Naib Canselor untuk dibayar oleh Universiti.
- 7.7.4 Bertanggungjawab penuh ke atas soal kewangan persatuan.
- 7.7.5 Bertanggungjawab untuk menyiapkan dan menyerahkan laporan kewangan yang lengkap kepada setiausaha/bendahari ibu pejabat IEEE tertakluk kepada arahan dari ibu pejabat.
- 7.7.6 Rekod dan fail-fail kewangan mesti diperiksa oleh juruaudit yang dipilih dalam Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) dan Penasihat Fakulti pada penghujung tempoh bendahari menyandang jawatannya.

#### 7.8 JAWATANKUASA PROGRAM

- 7.8.1 Bertanggungjawab untuk merancang dan mencadangkan aktiviti-aktiviti tahunan persatuan.
- 7.8.2 Perancangan dan cadangannya perlu mendapat kelulusan dan persetujuan ahli-ahli Jawatankuasa Kerja sebelum ia boleh dilaksanakan.
- 7.8.3 Bertanggungjawab untuk melaksanakan kesemua aktiviti-aktiviti tahunan persatuan yang telah mendapat kelulusan.
- 7.8.4 Boleh mempunyai ahli-ahli ad-hocnya atau Jawatankuasa Kecilnya sendiri untuk membantu perlaksanaan aktiviti-aktiviti tahunan.
- 7.8.5 Bertanggungjawab menyediakan program untuk kesemua Mesyuarat yang diadakan dan juga penyusunan mesyuarat tersebut.

#### 7.9 JAWATANKUASA PUBLISITI

- 7.9.1 Bertanggungjawab untuk memberikan nasihat yang sewajarnya untuk setiap mesyuarat.

#### 7.10 JAWATANKUASA PENGEKALAN DAN PENGAMBILAN KEAHLIAN

- 7.10.1 Memulakan dan menceburkan diri secara aktif dalam program pengekalan keahlian.

7.10.2 Mengalakkan pertumbuhan persatuan dengan mengambil pemohon yang layak sebagai ahli baru.

7.10.3 Bertanggungjawab ke atas kesemua tugas-tugas yang berkaitan dengan pendaftaran ahli baru dan pembaharuan keahlian.

7.10.4 Sentiasa mengemaskinikan rekod-rekod ahli-ahli persatuan.

#### 7.11 JAWATANKUASA PROJEK

7.11.1 Mengadakan “special interest group” di kalangan ahli bertujuan menggembung tenaga ahli-ahli yang mempunyai minat terhadap bidang yang sama.

7.11.2 Memulakan projek-projek yang dapat memanfaatkan ahli-ahli yang dalam kejuruteraan elektrik dan juga komputer.

### 8.0 PERKARA 8 – MESYUARAT AGUNG

8.1 Mesyuarat Agung persatuan hendaklah dipanggil oleh setiausaha dan mesyuarat-mesyuarat itu ialah

8.1.1 Mesyuarat Agung Tahunan

8.1.2 Mesyuarat Agung Luarbiasa

8.2 Mesyuarat Agung Tahunan hendaklah diadakan dalam bulan pertama semester pertama untuk setiap sesi. Tarikh, masa dan tempat mesyuarat itu akan ditetapkan oleh Jawatankuasa Kerja.

8.3 Agenda Mesyuarat Agung Tahunan hendaklah mengandungi:

8.3.1 Ucapan Pengerusi

8.3.2 Ucapan tetamu jemputan

8.3.3 Menerima dan mengesahkan Laporan Tahunan Persatuan

8.3.4 Membincangkan akaun-akaun persatuan (Penyata Kewangan) yang telah diaudit

8.3.5 Membincangkan perkara yang telah diberitahu lebih awal kepada setiausaha

8.3.6 Memilih Jawatankuasa Kerja Baru

8.3.7 Memilih juruaudit baru

8.3.8 Ucapan ringkas dari pengerusi baru

8.4 Notis Mesyuarat dan Korum

8.4.1 Notis bagi Mesyuarat Agung Tahunan yang menyatakan tarikh, masa dan tempat mesyuarat hendaklah dihantar oleh setiausaha kepada semua ahli persatuan sekurang-kurangnya satu minggu sebelum mesyuarat diadakan. Segala minit, laporan usul, akaun yang telah diaudit dan lain-lain kertas mesyuarat perlu juga disertakan dengan notis tersebut.

8.4.2 Notis bagi Mesyuarat Agung Tahunan hendaklah ditampal di papan-papan kenyataan universiti sekurang-kurangnya 7 hari sebelum mesyuarat itu diadakan.

8.4.3 Korum bagi Mesyuarat Agung adalah satu perempat (1/4) daripada jumlah ahli.

8.4.4 Jika kehendak para 8.4.3 pun tidak dapat dicapai selepas menunggu setengah jam, mesyuarat hendaklah ditangguhkan ke

suatu tarikh (tidak lewat dari 30 hari kemudian) yang akan ditetapkan oleh Jawatankuasa Kerja dan pada kali ini mesyuarat boleh dijalankan tanpa korum tetapi mesyuarat tidak boleh membuat keputusan mengenai pindaan peraturan dan perkara-perkara berhubung dengan hak ahli-ahli.

#### 8.5 Mesyuarat Agung Luarbiasa

- 8.5.1 Mesyuarat Agung Luarbiasa hendaklah diadakan apabila ada permintaan dari 10 atau lebih ahli-ahli persatuan yang menandatangani surat rasmi memohon supaya mesyuarat itu diadakan dengan supaya ianya diluluskan.
- 8.5.2 Mesyuarat Agung Luarbiasa juga diadakan atas kehendak Jawatankuasa Kerja dengan syarat ianya diluluskan terlebih dahulu oleh Naib Canselor.
- 8.5.3 Notis mesyuarat dan agendanya hendaklah ditampal di papan kenyataan 3 hari sebelum mesyuarat ini.

#### 8.6 Keputusan Mesyuarat Agung

- 8.6.1 Keputusan Mesyuarat Agung hendaklah diambil mengikut undi terhanya dengan tidak kurang daripada dua pertiga daripada ahliahli yang hadir dan mengundi.

### **9.0 PERKARA 9 – PERUBAHAN DAN PINDAAN PERATURAN**

- 9.1 Perubahan dan pindaan kepada peraturan hanya boleh dibuat di dalam Mesyuarat Agung Tahunan sahaja dengan syarat butir-butir pindaan itu dikemukakan kepada ahli-ahli persatuan sekurang-kurangnya 10 hari sebelum mesyuarat dan perubahan dan pindaan itu adalah sah sekiranya 2/3 daripada ahli yang hadir dan mengundi bersetuju.
- 9.2 Setiausaha hendaklah melaporkan kepada Majlis universiti dan Lembaga Pengarah (Board of Directors) ibu pejabat IEEE mengenai perubahan dan pindaan peraturan.
- 9.3 Perubahan dan pindaan kepada peraturan hanya berkuatkuasa setelah ianya diluluskan oleh Majlis Universiti dan Lembaga Pengarah ibu pejabat IEEE.

### **10.0 PERKARA 10 – TAFSIRAN PERATURAN**

- 10.1 Jika sekiranya berlaku pertelingkahan mengenai perkara-perkara dalam peraturan ini maka tafsiran yang diterima ialah tafsiran yang diputuskan oleh Jawatankuasa Kerja setelah merundingkan perkara itu dengan Naib Canselor.

### **11.0 PERKARA 11 – PEMBUBARAN PERSATUAN**

- 11.1 Menjalankan urusan secara yang difikirkan oleh Majlis Universiti sebagai boleh merosak atau memudaratkan kesentosaan Universiti atau melanggar mana-mana peruntukan Akta Universiti atau kaedah-kaedah atau

peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya, maka Majlis Universiti boleh menggantung atau membubarkan persatuan.

11.2 Jika Majlis mendapati:

- 11.2.1 Pergerakan yang dijalankan oleh persatuan adalah bukan untuk kepentingan ahli-ahlinya.
- 11.2.2 Persatuan yang telah gagal mendapat dan mengekalkan keanggotaannya yang dinyatakan di bawah syarat-syarat kelulusan penubuhannya, atau keanggotaan yang difikirkan oleh Majlis sebagai keanggotaan minima yang diperlukan.
- 11.2.3 Persatuan telah tidak begitu aktif dalam memajukan tujuan atau kepentingannya.
- 11.2.4 Persatuan telah menyeleweng daripada tujuan atau kepentingannya yang telah ditentukan atau Persatuan telah:  
**Melanggar**  
Bertanggungjawab atas atau menjadi pendorong dalam, atau dengan apa-apa cara membantu dalam perlanggaran mana-mana peruntukan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971, (pindaan) 1975, Perlembagaan Universiti, Kaedah-kaedah Universiti Teknologi Malaysia (Tatatertib Pelajar-pelajar) 1975, perlembagaan atau mana-mana undang-undang dan peraturan bertulis lain sama ada berkaitan dengan universiti atau selainnya.

11.3 Majlis boleh mengarahkan persatuan dibubarkan sama ada dengan serta-merta atau mulai dari suatu tarikh yang ditentukan oleh Majlis, dan Persatuan hendaklah terbubar dengan sewajarnya.

11.4 Jika Majlis mengarahkan pembubaran persatuan di bawah perenggan kecil (11.2) ia boleh memberi apa-apa arahan berbangkit yang difikirkan perlu.

11.5 Tidak kurang daripada satu pertiga daripada bilangan ahli persatuan boleh memberitahu Timbalan Naib Canselor (HEP) secara bertulis dengan satu salinan pemberitahu itu kepada setiausaha persatuan bahawa mereka berkehendakan persatuan dibubarkan.

11.6 Apabila diterima pemberitahu di bawah perenggan kecil (11.4), Timbalan Naib Canselor (HEP) boleh selepas menjalankan penyiasatan yang difikirkan boleh memanggil suatu mesyuarat agung dengan memberi notis tidak kurang daripada sepuluh hari kepada ahli-ahlinya, mesyaurat boleh memutuskan sama ada persatuan boleh dibubarkan ataupun tidak. Jika diputuskan di dalam Mesyuarat Agung tersebut supaya persatuan dibubarkan, persatuan akan terbubar mulai tarikh yang diputuskan oleh Mesyuarat Agung ini.

11.7 Timbalan Naib Canselor (HEP) hendaklah hadir di dalam Mesyuarat Agung yang dipanggil olehnya di bawah perenggan (11.5) dan mengawasi Mesyuarat Agung.

11.8 Jika sesuatu persatuan pelajar dibubarkan di bawah perenggan (11.5), Timbalan Naib Canselor (HEP) akan memberitahu Majlis mengenainya.